

TAKHTA KERAJAAN

Negeri Sembilan



||
oleh:

Abdul Samad Idris

TAKHTA KERAJAAN

NEGRI SEMBILAN.



**DI-KARANG, DI-SUSUN
DAN
DI-TERBITKAN**



OLEH:

ABDUL SAMAD IDRIS,
(HAK PENGARANG TERPELIHARA)



DAFTAR ISI-NYA.

	Muka.
1. Asal nama Seri Menanti	... 5.
2. Negeri Sembilan Sa-belom beraja	... 11.
3. Kematian Dato' Penghulu Naam	... 15.
4. Asal Orang Empat Istana	... 18.
5. Asal Nama Negeri Sembilan	... 25.
6. Ganti Raja Melewar	... 28.
7. Perang dengan Dato' Kelana dan Inggeris	... 32.
8. Inggeris mula menchekam	... 40
9. Perjanjian Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dan Inggeris	... 46.
10. Peratoran menabalkan Yang di-Pertuan, N. S.	... 55.
11. Riwayat Tuanku Muhammad Shah	... 65.
12. Kemangkatan Tuanku Muhammad	... 68.
13. Riwayat rengkas almarhum Tuanku A. Rahman	... 76.
14. Yang Maha Mulia Tuanku Menawir	... 81.
15. Pergadohan ketika melantek Tengku Imam Janggot	86.
16. Peratoran menabalkan yang di-Pertuan Besar, N. Sembilan.	... 90.
17. T. Durah T. Ampuan Negeri Sembilan.	... 101.
18. Istiadat Penghulu2 mengadap.	... 109.
19. Perjanjian di-Antara Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat	... 119.
20. His Hinghness Tuanku Menawir	... 121.
21. Hak Raja dan pantang larang-nya	... 125.



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan daulat dergahayu ka-pada D.Y.M.M. Tuanku Munawir, D.M.N., S.P.M.B., dan Tuanku Ampuan Durah menaikki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sehat walafiat memerentah dengan adil dan seksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemaamoran kepada raayat dan negara.

Achapan Bertabalan Duli D.M.M.

Yang di-Pertuan Besar Tuanku
Munawir S. M. N., S. P. M. B.

dan

Tuanku Ampuan N. Sembilan

dari:



GUTHRIE & COMPANY
LIMITED,



SEREMBAN, N. S.

SEKAPOR SIREH.

Alhamdulillah-lah dengan inayah Tuhan yang maha kuasa, maka dapat-lah saya menyusun buku yang kecil ini untuk dipersembahkan kapangkuan saudara2 terutama dan istimewa kapada mereka yang menchintai sejarah tanah ayer-nya. Saya mengaku dengan sa-sungguh-nya ada-lah buku yang di-beri nama "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" ini ada-lah sa-buah buku yang sama sekali belum lengkap dan saya sendiri merasa belum puas hati di-atas-nya, baik isi-nya begitu jua susunan yang mengenai teknik dan jua penggal2 yang terkandung di-dalam-nya, insha-Allah sa-kira-nya buku ini mendapat sambutan dari penggemar-nya akan di-usahakan dengan sa-baik-nya2 bila perchetakan yang kedua kali-nya nanti.

Selain dari bertujuan hendak menuliskan chatetan2 sejarah yang selama ini bermain dari mulut ka-mulut orang tua2 sahaja, maka saya persembahkan buku ini kapada keturunan kita akan datang sekurang-nya sebagai bahan penyiasat bagi mereka untuk menyelami lagi sedalam-nya2 lubok sejarah kampong halaman dan tanah ayer-nya yang selama ini ada-lah di-tuliskan orang2 yang bukan-nya ra'rat negeri ini.

Buku ini telah saya karang dan susunkan sa-telah mendapat bahan2 dari beberapa segi, ia-itu dari perchakapan mulut ka-mulut orang tua2, keterangan2 yang di-beri dari mereka yang maseh ingat dan lagi dari buku chatatan istana yang maseh ada tersimpan dengan baik-nya. Apa yang menarek hati dari beberapa perkara yang saya anggap penting, ia-lah tulisan perjanjian2 yang di-buat dalam kurun yang ka-sembelan belas, ketika mana belum ada sa-buah sekolah pun terdiri dalam negeri ini, menilik dari jalan bahasa yang di-karang oleh orang tua2 zaman itu sa-sungguh-nya mengkagumkan kita jika di-bandingkan dan di-nilai dari pelajaran dan keadaan zaman-nya, akan tidak kena-lah pada tempat-nya dan bagi mereka yang tidak menghargai usaha sa-saorang sahaja-lah yang akan menganggap sepi akan kebijaksanaan orang tua2 dahulu dalam karang mengarang dan surat menyurat dalam bahasa-nya.

Tidak lupa saya mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Y. T. M. Tengku Besar Burhanudin dan Y. B. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusoff Orang Empat Istana yang telah memberikan beberapa bahan yang berguna untok saya menyusun buku ini, begitu juga kapada yang berkenaan di-Istana Besar Seri Menanti yang telah menolong saya memberikan beberapa kemudahan untok mendapatkan beberapa bahan yang mustahak. Kapada sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangan meminta maaf di-atas beberapa kesilapan yang akan tuan2 temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 yang di-temui itu sebagai satu kesilapan yang tidak di-sengajakan dan berlaku sechara kebetulan jua.

Seri Menanti,
Negeri Sembilan,
1 hb. April, 1961.

Salam hormat dan taazim dari saya.
Abdul Samad Idris.





Duli Y.M.M. Tuanku Munawir S.M.N., S.P.M.B.
Gambar 1959.

INGGERIS MULA MENCHEKAM.

Kemudian pada 4hb, June 1887 bersamaan dengan sunnah Hijrah 1354 maka di-buat-lah satu perjanjian di-antara Governor Negeri2 Selat Singapura, Pulau Pinang dan Melaka yang bernama Sir Fredrick Alusysweld dengan Yamtuan Antah yang berbunyi:—

“Bahwa ini-lah perjanjian yang telah di-perbuat pada hari ini tarikh 12 hari-bulan Ramadhan sunnah 1354, bersamaan 4 hb. June 1887 di-antara Tuan Yang Terutama Sir Fredrick Alusysweld G.C.M.G. Governor dan Commander in Chief bagi tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta jajahan-nya bagi pihak Government dengan Yang Maha Mulia Tengku Antah Yamtuan Seri Menanti serta keredaan atau sekaar dengan Dato'2 Penghulu Negeri2 itu, Johol, Inas, Jempol, Terachi dan Gunong Pasir bagi pihak Negeri Sembilan.

Yang pertama:

Ada pun kedua2 kerajaan Government dengan Negeri Sembilan itu kelak sentiasa sama-sama bekerja dengan bersetuju bertolongan2 supaya boleh ramai orang2 di-dalam negeri itu, maka kedua pihak-nya itu pelihara memelihara darihal ehwal negeri masing2 supaya dudok dalam kesentosaan serta telah sekata-lah pula kedua pihak-nya itu mengaku akan serta menyerahkan orang2 yang terkena tudoh daripada sebarang jenis kesalahan, maka perkara itu boleh-lah kelak di-antara kedua kerajaan itu mengaturkan-nya.

Yang kedua:

Ada pun Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti serta Dato'2 Penghulu Negeri2 yang tersebut nama di-atas itu yang ada berkena di-dalam fasal ini telah berjanji pula hendak memberi ketolongan jika di-pintai oleh Governor tiga buah Negeri pada menolongi bersama2 melakukan jalan yang boleh mendatangkan perniagaan

di-sebelah darat2 itu dengan membuat jalan yang boleh menerusi lalu ka-Negeri2 itu.

Yang ketiga:

Sebagai lagi telah sa-kata-lah pula Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti dengan Dato2 Penghulu Negeri2 yang tersebut nama di-atas itu jikalau sekira-nya berlaku sa-suatu jalan yang boleh menerbitkan sa-barang perjanjian atau berhubung kalam kirim mengirim surat dengan negeri2 luar itu maka hal yang sedemikian itu boleh-lah Governor tiga buah negeri sahaja menjalan-nya.

Dan lagi tiada-lah pula akan di-beri idzin membuat sa-suatu pekerjaan kapada orang2 yang lain daripada ra'ayat Inggeris atau persekutuan Inggeris atau Orang2 Melayu, China dan Hindustan atau pun yang bukan daripada bangsa ra'ayat Inggeris yang di-sabelah timor ini melainkan mahu-lah dengan kered-zaan daripada Governor yang memerintah tiga buah negeri ini.

Yang ka-empat:

Shahadan ada-lah Government pehak Baginda Yang Maha Mulia Her Majesty Queen Great Britain dan Shah Hantah bagi Negeri India itu telah mengakui Tengku Besar Muhammad Ibni Tengku Antah itu akan pengganti-nya menjadi Yamtuan di-dalam daerah Negeri Sembilan hingga-lah turun menurun kapada anak-nya dan chuchu chichit-nya betul keturunan-nya daripada dzuriat Yamtuan yang ada sekarang ini tamat ada-nya.

Dalam perjanjian ini telah terang dan nyata-lah bahwa pengaruh British telah semakin mendalam menchampori pe-merintahan Negeri Sembilan.

Ketika perjanjian ini di-buat Yamtuan Antah telah mulai gering dan tidak berapa sehat lagi dan kerana itu-lah

ada di-sebutkan dalam perjanjian yang ka-empat, bahwa Tengku Muhammad yang pada masa itu bergelar Tengku Besar akan di-lantek menjadi ganti-nya.

Di-sebutkan cherita-nya, bahwa Yamtuan Antah telah diserang penyakit ketumbuhan dan di-asingkan di-kampung Padang Biawas. Sa-telah baginda mangkat baru-lah jenazah-nya di-bawa kembali ka-Istana.

Di-bawah ini ada-lah bunyi satu chatetan dalam sa-buah buku peringatan mengenai lantekan T. Besar Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti:

.....Shahadan kemudian daripada mangkat-lah Almarhum Yang di-Pertuan Tengku Antah itu, maka Paduka anakanada Baginda yang sedang dalam jawatan Tengku Besar itu pun ditabalkan-lah oleh Penghulu yang berenam ia-itu-lah Penghulu yang terdahulu mentabalkan Paduka Almarhum Tengku Antah (Pengkulu2 ini ia-lah Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunong Pasir dan Inas-penyusun) itu jua tiada berserta Penghulu yang tiga (Sungai Ujong, Jelevu dan Rembau-penyusun) ia-itu dihadapan Tuan Martin Lister bergelar saperti yang tersebut tapak mohor-nya pada ketika itu demikian ini:—

Tuanku Muhammad Yang di-Pertuan Seri Menanati Ibni al-Marhum Yang di-Pertuan Besar Tuanku Antah, Sunnah 1301.

Kalakian dari semenjak itu tetap-lah Baginda dalam jabatan dan pangkat Yang di-Pertuan Seri Menanti sahaja, bersamaan saperti pangkat jabatan Paduka Ayahanda Beginda Paduka Almarhum Yang di-Pertuan Tengku Antah itu. Hatta telah tiga belas tahun lamanya duli Yang di-Pertuan Tuanku Muhammad itu menjadi Raja Seri Menanti serta kaenam daerah-nya, maka tahun yang kaempat belas daripada telah di-tabalkan oleh Penghulu2 yang berenam itu, maka Penghulu2 yang bertiga ia-itu Penghulu Rembau, Sungai Ujong dan Jelevu (sekarang ini di-sebut Undang) yang menderhaka dan bermuafakat-lah pula jadi sa-bulat dan bersatu dengan Penghulu2 yang enam yang tiada berpaling sembah itu. Maka kesembilan-nya mashuarat-lah dengan British Resident yang ada pada masa

itu (W. E. Birch-penyusun) menjadi penasehat dalam Negeri Sembilan-mengatakan yang mereka ketiga telah redza-lah pula hendak mentabalkan Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti itu menjadi Raja dalam seluroh Negeri Sembilan, seperti mana yang telah berlaku pada kuasa Marhum² yang dahulu kala". (menurut kiraan 13 tahun dari Tuanku Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti seperti yang tertulis di-atas ada-lah khilaf, perjanjian dengan Undang Yang Empat itu telah-perbuat pada tahun 1898, ia-itu kira² 10 tahun sahaja semenjak baginda memerintah-penyusun")

Satelah persetujuan tersebut di-dapati maka satu surat perjanjian pun di-buat-lah di-antara Undang Yang Empat dengan Tuanku Muhammad Yamtuan Seri Mennati yang mengembalikan semula kedudukan-nya menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Perjanjian ini bertarikh 29 hb. April, 1898 masehi bersamaan dengan 5 haribulan Zulhijjah, sunnah 1315 (Isi perjanjian ini ada di-muatkan di-muku lain.)

Di-bawah ini di-turunkan dengan sapenuh-nya isi surat dari Governor Negeri Selat ka-pada Dato' Johol mengenai lantekan T. Besar Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti:—

"Bahwa ini surat tulus ikhlas ia-itu daripada kita Sir Cecil Clementy Smith K.C.M.G. Governor dan Commander in-Chief tiga buah Negeri Singapura, Pulau dan Melaka jua kira-nya datang kahadapan majlis sahabat kita Yang Mulia Dato' Penghulu Johol Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan yang ada dengan selamat-nya di-dalam Negeri Johol dengan selamat-nya. Wabakdah daripada itu maka kita telah sudah-lah menerima khabaran akan kehilangan kembali karahmatul-lahi Taala Seri Paduka sahabat kita Tengku Antah itu dengan sabenar-nya sangat-lah dukachita dan mashghul-nya maka negeri yang telah di-perentahkan-nya dengan adil dan rajin-nya itu menanggong-lah kehilangan yang besar ada-nya.

Maka sahabat kita boleh-lah ingat akan sharat² bagi teriti yang bertarikh pada 4 haribulan June 1887 itu ia-itu di-dalam-nya yang kegantian itu telah sudah-lah di-putuskan, maka sekarang kita menulis kapada sahabat kita ha-nya-lah

menasehatkan sahabat kita mengerjakan apa yang wajib dan adat yang kebiasaan bagi menjalankan kehendak teriti itu dan apabila sahabat kita maalomkan kapada kita yang Tengku Besar Muhammad itu telah menggantikan Yamtuan itu bolehlah kita mengeluarkan satu surat seruan melantekkan dia menjadi Yamtuan Seri Menanti ada-nya.

Maka kita kirimkan ini kapada tangan Superentandent bagi Negeri Sembilan Yang Berhormat Tuan Martin Lister yang kita telah menyurohkan dia bersama2 tolong menolong dengan sahabat kita di-dalam hal menjalankan peraturan yang kena mengena dengan ambilan gelaran Yamtuan Seri Menanti oleh Tengku Besar Muhammad itu ada-nya.

Ha-nya-lah berbanyak2 tabek jua kapada sahabat kita.

Sa-belum Tengku Besar Muhammad ini di-lantek menjadi Raja, telah berlaku juga sa-dikit2 pergadohan dan perbalahan sama sendiri kerana merebut takhta Kerjaan. Tengku Muda Chik Ibni Almarhum Yamtuan Radin telah juga berhajat hendak menjadi Raja, ia telah berunding dengan Tuan Martin Lister dan di-khabarkan bahwa Tuan Lister ada-lah lebeh chenderong hendak menjadikan Tengku Muda Chik menjadi Raja daripada Tengku Besar Muhammad, masa itu Tengku Besar Muhhamad maseh terlalu muda hendak naik takhta, ia-itu berumur kira2 21 tahun Sahaja.



Ketika ini-lah sa-orang Orang Besar Raja yang bernama Dato' Siamang Gagap saperti berita yang di-sebutkan dahulu telah mengawal Istana dan menaikkan bendera hitam, erti-nya negeri masa itu tidak mempunyai Raja dan di-perentahkan oleh Dato'2 Penghulu sahaja.

Tuan Martin Lister telah menyatakan kapada Dato' Siamang Gagap akan hasrat-nya hendak melantek Tengku Muda Chik menjadi Raja itu. Dato' Siamang Gagap berkata, "Tuan hilang sahabat ganti sahabat, negeri ini kami yang punya, Tengku Muda Chik mempunyai sawah di-Jelebu." Tuan Martin Lister bertanya, apa maksud-nya Dato' itu berkata begitu. Dato' Siamang Gagap menerangkan Tengku Muda Chik telah

di-untokkan oleh Ayahanda-nya Yamtuan Radin mewarisi Yamtuan Muda Jelebu dan ia tidak berhak lagi di-Seri Menanti. Jawab Tuan Lister lagi, "Kalau begitu Dato', baik-lah, kita angkat-lah Tengku Besar Muhammad menjadi Raja".

Satelah berkebulatan Penghulu2 Luak semua-nya, maka di-naikkan-lah Tengku Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti.

Tuanku Yamtuan Antah beristerikan empat orang, semua isteri-nya2 itu ada-lah orang2 kebanyakan belaka bukan dari kalangan anak2 Raja. Dari perkahwinan itu lahir-nya empat orang putera dan dua orang puteri, salasilah keturunan-nya ada-lah saperti berikut:—



Yamtuan Antah X Enche' Lijah

|

Tengku Puteri Aishah.

Yamtuan Antah X Enche' Yang

|

T. Rafeah.

SALAH CHETAK.

MUKA SURAT	BARIS	SALAH	BETOL
1	19	di-tuliskan orang2, ra'rat	di-tuliskan oleh orang2, ra'ayat
5	2	Menananti	Menanti
5	27	selaian	selain
5	28	melaui	melalui
7	15	kterangan	keterangan
9	5	menyemnda-lah	menyemenda-lah
9	6	suka	suku
11	35	mangodap	mengadap
12	20	mengurniakan	mengurniakan
16	29	Dtao'	Dato'
17	9	hama	nama
19	29	duli Maha Mulie	Duli Yang Maha Mulia
19	35	benar-nya belaka-kah	benar-nya saudara belaka-kah
20	10	thu	tahu
20	14	kemudaian	kamudian
20	15	sebilan	sembilan
21	28	kapeda Orong	kapada Orang
21	31	iateri	isteri
25	21	dalama	dalam
26	16	sebab	Sebab
26	34	Naing	Naning
29	12	puetra	putra
31	8	berumpr	berumor
32	salasilah	T. Ulin	T. Alin
32	27	mennati	menanti
34	9	Mennati	Menanti
36	17	Ibn	Ibni
44	16	kerjaan	kerajaan
44	22	Mohhamad	Muhammad
46	18	tabdir	tadbir
46	22	Superntendent	Superintendent
51	6	beleh	boleh
51	13	gaku--yang	tinggalkan sahaja
57	8	Johal	Johol
57	22	berialan-lah	berjalan-lah
65	1	Muammad	Muhammad
65	12	bersamman	bersamaan
65	23	Muahammad	Muhammad
70	27	mengubtai-nya	mengubati-nya
70	27	nbatan2	ubatan2
70	35	Yang Maha oleh	Yang Maha Mulia oleh
70	36	kut	kuat
76	17	heribulan	haribulan
81	10	bergelombng	bergelombang
82	18	mengitiharakan	mengistiharkan

MUKA SURAT	BARIS	SALAH	BETOL
84	1	menadang	memandang
85	20	pemeangku	pemangku
85	26	Bagitu	Baginda
85	29	di-ishtiharakan	di-ishtiharkan
86	24	pda	pada
91	27	menurunkan	menurunkan
91	27	Dtao'	Dato'
100	31	linggi	Linggi
103	19	Undang yang pada	Undang yang Empat pada
109	29	Yang Mulia	Yang Maha Mulia
110	19	Pahawan	Pahlawan
115	3	msutahak	mustahak
115	24	seceretary	secritary
116	26	perturan	peratoran
116	26	istiada	istiadat
120	1	mehanti	menanti
122	24	Undong	Undang